HAP SENG CONSOLIDATED BERHAD
197601000914 (26877-W)

SAFETY AND HEALTH POLICY ("OSH POLICY")

Both the board of directors and management ("Hap Seng Board and Management") of Hap Seng Consolidated Berhad ("Company") and its subsidiaries ("Hap Seng Group") are committed to creating a safe and healthy work place for all their employees. This means that the Hap Seng Group strives, as far as reasonable and practicable, to attain and sustain the highest level of safety and health controls and systems at the work place within or in relation to the Hap Seng Group.

This OSH Policy aims to articulate the Hap Seng Group's commitment and culture of doing business in the right way, to honour and deliver all that has been promised. In its aspirations to do so, the Hap Seng Group shall strive to achieve this by following the key principles: -

1. Promoting a culture of safety in the work place and among the employees of the Hap Seng Group;

2. Complying with all the laws and regulations pertaining to the Occupational Safety & Health Act 1994, Occupational Safety and Health (Amendment) Act 2022, along with its relevant regulations, orders, code of practices, guidelines, directive letters and amendments;

3. Ensuring that Safety and Health Committee(s) are established at the work place, with clear lines of authority of person(s) responsible for reporting matters to the Safety and Health Committee(s) and/or to the Hap Seng Board and Management;

4. Ensuring that any matters regarded to be unsafe or a risk to the health of their employees and which are brought to the attention of the Safety and Health Committee(s) and/or the Hap Seng Board and Management, are investigated and that active steps are taken to resolve such matters;

5. Assigning and adequately resourcing for competent person(s) to be responsible for safety and health compliance, including being appointed as the Safety and Health Officer(s) or Safety and Health Coordinator(s) where required, rendering of advice and guidance;

6. Ensuring that adequate information, instruction, training and supervisions as are necessary to ensure the safety and health at the work place, are provided;

7. Ensuring that contingency plans to handle emergencies that may arise in the work place are established and implemented and that the relevant information, training and instructions regarding these contingency plans are adequately disseminated;

8. Reviewing at regular intervals all current occupational safety and health policies and practices with the aim of improving such practices to be in line with the latest industry standards;

9. Taking every reasonable and practicable step to recognize and proactively mitigate risks of injuries and hazards in the work place by conducting safety and health risk assessments to identify and analyze trends on hazards and injuries at the work place and to implement risk controls, where necessary to eliminate or reduce the frequency of such risks;

10. Conducting safety and health risks assessments at regular intervals, and in addition, on an ad-hoc basis when instructed by the Hap Seng Board and Management;

11. Ensuring that the required certificates and/or approvals are obtained and maintained where required by the relevant authorities;

12. Ensuring that any matters regarding accidents, dangerous occurrences, occupational poisoning and/or occupational diseases that have occurred or are likely to occur in work place are promptly notified to the responsible person(s) within the Hap Seng Group and the appropriate authorities;

13. Ensuring their employees are adequately trained in their jobs with an emphasis on the necessary safety and health information and adhere to safety and health procedures with strict compliance;

14. Communicating the safety and health policies and practices both internally and externally, where necessary; and

15. Ensuring that the results of any audits, reviews on safety and health risk assessment, and risk controls are reported to the Hap Seng Board and Management.

Every employee, external provider and business associates of the Hap Seng Group should understand and accept that safety is crucial to business continuity and everyone should be responsible for preventing any incidents from occurring and reoccurring. By upholding these key principles, we ensure a safe and healthy work place for all.

15 April 2025



Cheah Yee Leng
Executive Director

HAP SENG CONSOLIDATED BERHAD
197601000914 (26877-W)

DASAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PERKERJAAN ("DASAR OSH")

Lembaga Pengarah-pengarah dan pengurusan ("Lembaga dan Pengurusan Hap Seng") Hap Seng Consolidated Berhad ("Syarikat") dan subsidiari-subsidiarinya ("Kumpulan Hap Seng") adalah komited untuk mewujudkan tempat kerja yang selamat dan sihat untuk semua pekerjanya. Ini bermakna Kumpulan Hap Seng berusaha, setakat yang munasabah dan praktikal, untuk mencapai dan mengekalkan tahap tertinggi bagi kawalan dan sistem keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dalam atau yang berhubung dengan Kumpulan Hap Seng.

Dasar OSH ini bertujuan untuk mengartikulasikan komitmen dan budaya Kumpulan Hap Seng untuk menjalankan perniagaan dengan cara yang betul, untuk menghormati dan menunaikan semua yang telah dijanjikan. Dalam aspirasinya untuk berbuat demikian, Kumpulan Hap Seng akan berusaha untuk mencapai ini dengan mengikut prinsip-prinsip utama:-

1. Menggalakkan budaya keselamatan di tempat kerja dan di kalangan pekerja Kumpulan Hap Seng;

2. Mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 1994, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022, bersama dengan peraturan, perintah, kod amalan, garis panduan, surat arahan dan pindaannya;

3. Memastikan bahawa Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan ditubuhkan di tempat kerja, dengan garis kuasa yang jelas bagi individu yang bertanggungjawab untuk melaporkan perkara kepada Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan dan/atau kepada Lembaga dan Pengurusan Hap Seng;

4. Memastikan bahawa sebarang perkara yang dianggap sebagai tidak selamat atau berisiko kepada kesihatan pekerja dan yang telah dilaporkan kepada Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan, dan/atau Lembaga dan Pengurusan Hap Seng disiasat dan tindakan aktif diambil untuk menyelesaikan perkara-perkara tersebut;

5. Melantik dan menyediakan sumber yang mencukupi untuk orang yang kompeten untuk bertanggungjawab terhadap pematuhan keselamatan dan kesihatan, termasuk dilantik sebagai Pegawai atau Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan apabila diperlukan, serta memberikan nasihat dan panduan;

6. Memastikan bahawa maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan yang mencukupi, sebagaimana yang diperlukan untuk menjamin keselamatan dan kesihatan di tempat kerja disediakan;

7. Memastikan bahawa pelan kontingensi untuk menangani kecemasan yang mungkin timbul di tempat kerja diwujudkan dan dilaksanakan, serta maklumat, latihan dan arahan yang berkaitan dengan pelan kontingensi ini disebarkan dengan secukupnya;

8. Menyemak secara berkala semua dasar dan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan semasa dengan tujuan untuk menambah baik amalan tersebut agar selaras dengan piawaian industri terkini;

9. Mengambil setiap langkah yang munasabah dan praktikal untuk mengenalpasti dan secara proaktif mengurangkan risiko kecederaan dan bahaya di tempat kerja dengan menjalankan penilaian risiko keselamatan dan kesihatan untuk mengenal pasti dan menganalisis trend bahaya dan kecederaan di tempat kerja serta melaksanakan kawalan risiko, di mana perlu, untuk menghapuskan atau mengurangkan kekerapan risiko tersebut;

10. Menjalankan penilaian risiko keselamatan dan kesihatan secara berkala dan, sebagai tambahan, secara ad-hoc apabila diarahkan oleh Lembaga dan Pengurusan Hap Seng;

11. Memastikan bahawa sijil dan/atau kelulusan yang diperlukan diperolehi dan dikekalkan di tempat kerja atau apabila diperlukan oleh pihak berkuasa yang berkenaan;

12. Memastikan bahawa sebarang perkara mengenai kemalangan, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan dan/atau penyakit pekerjaan yang telah berlaku atau berkemungkinan berlaku di tempat kerja dimaklumkan dengan segera kepada individu yang bertanggungjawab dalam Kumpulan Hap Seng dan pihak berkuasa yang berkaitan;

13. Memastikan perkeja dilatih secukupnya dalam pekerjaan mereka dengan penekanan pada maklumat keselamatan dan kesihatan yang diperlukan, dan mematuhi prosedur keselamatan dan kesihatan secara tegas;

14. Menyampaikan dasar dan amalan keselamatan dan kesihatan secara dalaman dan luaran, jika diperlukan; dan

15. Memastikan bahawa hasil sebarang audit, kajian semula penilaian risiko keselamatan dan kesihatan, dan kawalan risiko dilaporkan kepada Lembaga dan Pengurusan Hap Seng.

Setiap pekerja, pembekal luar dan rakan kongsi perniagaan Kumpulan Hap Seng harus memahami dan menerima bahawa keselamatan adalah penting untuk kesinambungan perniagaan dan semua orang harus bertanggungjawab untuk mencegah sebarang insiden daripada berlaku dan berulang. Dengan berpegang teguh prinsip-prinsip utama ini, kami memastikan tempat kerja yang selamat dan sihat untuk semua.



15 April 2025

Cheah Yee Leng
Executive Director